

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 31.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 59

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan asas dan perkembangan
pembangunan perbandaran baharu Bandar Melayu di
Subang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Idea untuk membangunkan sebuah bandar pintar di tanah milik MARA yang terletak di dalam kawasan Malaysia International Aerospace Centre (MIAC) Subang adalah berkonsepkan Edu-Biz Park dan dinamakan Asia Aerospace City (AAC).

Ia melibatkan pembangunan institusi pendidikan dan infrastruktur industri di dalam satu kawasan yang sama berobjektifkan supaya kedua-duanya memberi sinergi untuk mewujudkan satu ekosistem yang positif bagi pembangunan industri terutamanya industri berimpak tinggi.

Pembangunan Edu-Biz Park di Subang akan memberi fokus kepada industri aeroangkasa terutamanya dalam bidang perkhidmatan kejuruteraan dan baik pulih kapal terbang (*maintenance, repair and overhaul*).

Ia dijangka mampu menarik pemain-pemain utama industri aeroangkasa untuk beroperasi di dalam Edu-Biz Park. Ini akan dapat membuka banyak peluang kerjaya

kepada jurutera-jurutera muda yang dilahirkan terutama dari institusi pendidikan dan latihan milik MARA.

Kehadiran pemain-pemain utama industri aeroangkasa di kawasan ini juga akan turut membantu mewujudkan rangkaian penawaran (*supply chain*) perkhidmatan dan seterusnya membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan sedia ada dan usahawan baru. Selain itu juga, ia akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di dalam menawarkan produk serta perkhidmatan sokongan kepada industri di dalam kawasan pembangunan Edu-Biz Park ini.